

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 MAY 2016

'Enggan namakan calon PM bukti agenda Dr M'

BH-5/5/2016

Putrajaya: Keengganan Tun Dr Mahathir Mohamad menamakan calon Perdana Menteriya membuktikan 'Kempen Anti-Najib' yang beliau dalangi hanya bertujuan menaikkan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir ke jawatan itu.

Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad, dalam satu kenyataan semalam berkata, Dr Mahathir boleh mengakhiri semua spekulasi mengenai motifnya itu dengan menyatakan siapa calon Perdana Menteri dan



Tidak seperti Dr Mahathir, saya hanya menyuarakan pandangan secara saksama”

**Tengku Sariffuddin
Tengku Ahmad,**
Setiausaha Akhbar
kepada Perdana Menteri

Timbalan Perdana Menteri pilihannya.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan Mukhriz menyamannya atas dakwaan mengeluarkan kenyataan tidak berasas yang menggambarkannya sebagai gila kuasa dan taksub mahu menjadi Perdana Menteri, selain sanggup menggulingkan kerajaan sedia ada semata-mata untuk menjadi Perdana Menteri.

Tutup mulut pengkritik

“Adalah pelik Mukhriz memilih untuk menyaman saya sedangkan

bapanya yang sering mendakwa undang-undang diperalatkan bagi menutup mulut pengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Namun, tidak seperti Dr Mahathir, saya hanya menyuarakan pandangan secara saksama berasaskan tindakan beliau bersama Mukriz dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Ramai berpendapat Dr Mahathir mahukan Muhyiddin menjadi Perdana Menteri secara proksi dengan Mukhriz sebagai timbalan, sehingga beliau bersedia mengam-

bil alih,” katanya.

Tengku Sariffuddin berpendapat, tindakan undang-undang terhadapnya menunjukkan komen dibuatnya menyinggung perasaan mereka dan beliau faham gangguan dan kekecewaan emosi Mukhriz kerana kali ini, bapanya gagal mencapai apa yang dikehendakinya.

“Komen saya adalah adil dan hanya menterjemahkan tindakan Mukhriz dan bapanya tanpa sebarang niat jahat. Saya juga tidak gusar dengan tindakan undang-undang,” katanya.

